



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**


KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
BLOK PODIUM 4G1,  
WISMA TANI, PRESINT 4,  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630, PUTRAJAYA,  
MALAYSIA



TAHUN 2019

# MANUAL 2019

PROGRAM SURVELAN  
PENYAKIT HAIWAN  
KEBANGSAAN



SEKSYEN EPIDEMIOLOGI DAN SURVELAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN BIOSEKURITI DAN SPS,  
ARAS 5, BLOK PODIUM 1A, LOT 4G1, PRESINT 4,  
PUTRAJAYA



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI DI TALIAN:

TEL: (603)-8870 2041  
FAKS: (603)-8888 6472

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
1.0 Pendahuluan	1
2.0 Skop	1
3.0 Matlamat	2
4.0 Objektif	2
5.0 Sistem Pelaporan Aktiviti Survelan	3
<b>BAB 1</b>	
Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan Tahunan 2019	5
Rabies	8
Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE)	8
Avian Influenza & Newcastle Disease (ND) & Salmonellosis	9
African Horse Sickness (AHS)	10
Foot and Mouth Disease (FMD)	11
Bovine Brucellosis (B. Abortus)	12
Ovine / Caprine Brucellosis (B. Melitensis)	12
Nipah	13
Peste De Petits Ruminants	13
Equine Influenza Virus (EIV) Dan West Nile	13
Johne's	14
Bovine Tuberculosis	14
Infectious Bovine Rhinotracheitis	15
Rift Valley Fever	15
Athrax	16
African swine fever	16
<b>BAB 2</b>	
Program Survelan Babi Hutan	17
<b>BAB 3</b>	
Program Survelan Burung Hijrah	18
<b>BAB 4</b>	
Program Survelan Rabies Di Perkampungan Nelayan Persisir Pantai Barat Semenanjung Malaysia	19
<b>BAB 5</b>	
Program Survelan Antimicrobial Resistance	20
Prosedur Kerja Program Survelan DVS Negeri	22
Carta Aliran Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan Tahunan	23
Peranan dan tanggungjawab Seksyen Epidemiologi dan Survelan	24
Pegawai untuk dihubungi di IbuPejabat	25
Pegawai untuk dihubungi di JPV Negeri	26
Carta aliran persampelan di stesen kuarantin haiwan kerajaan dan stesen kuarantin haiwan sementara	27
Pengurusan dan Penghantaran sampel	28
Persampelan BSE di rumah sembelih ruminan	29
Anggaran Bilangan Sampel Yang Memerlukan Perkhidmatan Makmal	30
Lampiran	1 – 9
	i – x

## **1.0 PENDAHULUAN**

Tujuan manual ini adalah untuk menyediakan dan menjelaskan garis panduan ringkas mengenai kaedah pensampelan yang digunakan semasa menjalankan aktiviti surveilan di seluruh Negara. Survelan adalah salah satu komponen utama dalam aktiviti kesihatan haiwan di Malaysia. Program Survelan Penyakit Haiwan merangkumi surveilan aktif dan pasif. Ianya dirangka bagi mengariskan keutamaan aktiviti surveilan penyakit haiwan disamping memberi panduan kepada semua staf di lapangan dalam melaksanakan aktiviti surveilan dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan objektif dan keutamaan jabatan. Program dan sistem surveilan yang sedia ada ini menyediakan asas yang kukuh bagi terus membina kapasiti dan keupayaan jabatan dalam pengesanan penyakit haiwan. Data dari aktiviti surveilan kemudiannya dikumpul dan dianalisa untuk dijadikan panduan dalam menentukan tindakan kawalan dan pembasmian penyakit haiwan berkaitan bagi menjaga kepentingan industri ternakan dan kesejahteraan haiwan dalam Negara. Program surveilan ini telah dibangunkan secara kerjasama bersama dengan kakitangan DVS Negeri, penternak serta agensi lain seperti Perhilitan.

## **2.0 SKOP**

Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan 2019 meliputi pengambilan sampel dan surveilan klinikal, pengumpulan, analisis dan pelaporan data surveilan untuk sebanyak 20 penyakit haiwan dan surveilan AMR. Ini termasuk penyakit-penyakit yang berkepentingan ekonomi seperti FMD, penyakit zoonosis seperti NAI, rabies dan TB serta Invasive Alien Spesis (IAS) yang mempunyai kepentingan kebangsaan dan antarabangsa. Ini melibatkan pelbagai spesis seperti unggas, lembu, kambing, bebiri, haiwan liar, walit dan hidupan liar dan sebagainya. Ini termasuk penyakit endemik yang eksotik serta penyakit yang baru muncul. Walaubagaimanapun ianya tidak termasuk surveilan untuk haiwan akuatik.

### **3.0 MATLAMAT**


Matlamat Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan adalah untuk pengesanan awal dan pengawasan risiko penyakit rentas sempadan, zoonosis dan baru muncul, penilaian dan peningkatan pengawasan bagi program kawalan dan pembasmian penyakit semasa serta pemantauan tren penyakit dan ancaman kepada kesihatan haiwan di Malaysia

### **4.0 OBJEKTIF**

Objektif survelan penyakit haiwan dijalankan adalah untuk;

1. Mengenal pasti kewujudan penyakit dalam sesuatu kawasan/negara.
2. Menentukan taburan dan lokasi sesuatu penyakit.
3. Menentukan kepentingan sesuatu penyakit.
4. Menentukan keutamaan pengagihan sumber.
5. Merancang, melaksana dan memantau program kawalan penyakit.
6. Bertindakbalas terhadap wabak penyakit.
7. Memenuhi keperluan pengiktirafan status bebas penyakit oleh badan antarabangsa (OIE).
8. Menunjukkan status penyakit semasa kepada negara rakan niaga.

## 5.0 SISTEM PELAPORAN AKTIVITI SURVELAN.



Rajah 1. Carta aliran saluran pelaporan aktiviti survelan penyakit haiwan

## **KATA SINGKATAN**

ADIC - Animal Disease Information Centre  
AHS - African Horse Sickness  
BPS - Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS  
BPW - Buffered peptone water  
BSE - Bovine Spongiform Encephalopathy  
CFT - Complement fixation test  
CLA - Caseous lymphadenitis  
DBD - Daerah Barat Daya  
DTL - Daerah Timur laut  
DVS - Department of Veterinary Services  
ELISA - Enzym-linked immunosorbent assay  
EPiS - Seksyen Epidemiologi dan Survelan  
FMD - Foot and Mouth Disease  
IHC - Immuno Histo Chemistry  
KLIA - Kuala Lumpur International Airport  
LBM - Live bird market  
LMS - Larut Matang Selama  
MAQIS - Malaysian Agriculture Quarantine and Inspection Services  
MEM – Minimum essential medium  
MRT - Milk ringtest  
MVK -Makmal Veterinar Kawasan  
NAI - Notifiable Avian Influenza  
ND - Newcastle Disease  
NSP - Non Structural Protein  
OIE - Office International des Epizooties/World Organisation for Animal Health  
PBS - Phosphate Buffer saline  
PPR - Peste des Petits Ruminants  
PPV - Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
PRRS - Porcine Reproductive and Respiratory Syndrome  
RS - Rumah sembelih  
SALT - Sijil Amalan Ladang Ternakan  
SOP - Standard Operating Procedures  
SPS - Seberang Prai Selatan  
SPT - Seberang Prai Tengah  
SPU - Seberang Prai Utara  
TSB -Trypticase soy broth  
VRI - Veterinary Research Institute  
W.P KL - Wilayah persekutuan Kuala Lumpur

## Bab 1

### Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan Tahunan 2019

Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan Tahunan 2019 dirancang dan dirangka oleh Seksyen Epidemiologi dan Survelan, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam Negara iaitu;

1. Pengesanan awal penyakit baharu yang belum pernah dilaporkan di Malaysia seperti penyakit Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE), Rift Valley Fever (RVF), Anthrax, African swine fever (ASF) dan Peste des Petits Ruminants (PPR).
2. Mengenalpasti status penyakit haiwan dalam negara iaitu *Notifiable Avian Influenza* (NAI) bagi unggas, *Bovine Spongiform Encephalopathy* (BSE), Rift Valley Fever (RVF) dan Anthrax bagi ternakan lembu, *Peste des Petits Ruminants* (PPR) bagi kambing dan bebiri, *African Horse Sickness* (AHS), Equine Influenza Virus (EIV) dan West Nile bagi equid, *Rabies* bagi anjing, dan Nipah serta African swine fever (ASF) bagi khinzir.
3. Menentukan prevalen penyakit prevalen penyakit FMD, Bruselosis (B.Abortus), Johne's pada ternakan lembu, B. Melitensis pada kambing bebiri. *Newcastle Disease* (ND) dan Salmonellosis dalam unggas.
4. Menilai keberkesanan program kawalan FMD, Bruselosis (B.Abortus dan B.Melitensis), TB, dan Salmonelosis.

Program ini dijalankan oleh Bahagian Kesihatan Haiwan DVS Negeri Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak. Semua program ini dipantau oleh IPPV, Putrajaya oleh Seksyen Epidemiologi dan Survelan (EpiS), Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS (PBS). Data yang telah dikumpul akan dianalisa bagi mendapatkan maklumat asas status penyakit tersebut dalam negara.

## **Pengiraan Bilangan Sampel**

Pengiraan sampel surveilan berasaskan kepada *Multistage Random Sampling*. Ini bertujuan untuk memastikan sampel yang diambil mewakili populasi haiwan (*representativeness*) dan mampu mengurangkan *bias*.

Untuk program tahunan surveilan penyakit haiwan ini, perkiraan sampel dibuat secara dua peringkat sebagaimana berikut:

1. Pensampelan Primer

Premis ternakan dalam sesebuah negeri dipilih secara rawak sebagai unit pensampelan utama.

2. Pensampelan sekunder

Haiwan atau ternakan terpilih dipilih di dalam sesebuah premis secara rawak sebagai unit persampelan sekunder.

Bilangan sampel adalah adalah seperti yang telah ditetapkan bagi setiap premis dan haiwan terpilih yang dikira berdasarkan Jadual Cannon and Roe 1982 di Jadual 1. Pengiraan jumlah sampel surveilan di setiap negeri bagi tahun 2019 seperti di **Lampiran 1**.

### *Nota*

- *Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri yang menjalankan persampelan di lapangan dikehendaki mengetahui dan merekod bilangan ternakan yang ada dalam sesebuah ladang / premis yang terpilih untuk persampelan*
- *Pemilihan ladang / premis hendaklah dibuat secara random (rawak) supaya sampel adalah mewakili populasi sebenar untuk mengurangkan bias.*



Jadual 1: Cannon and Roe 1982

**Table 13.4** (i) Sample size required for detecting disease where the probability of finding at least one case in the sample is 0.95; (ii) upper 95% confidence limits for number of cases. (From Cannon and Roe, 1982.)

Population size (N)	(i) Percentage of diseased animals in population (d/N) OR (ii) Percentage sampled and found clean (n/N)											
	50%	40%	30%	25%	20%	15%	10%	5%	2%	1%	0.5%	0.1%
10	4	5	6	7	8	10	10	10	10	10	10	10
20	4	6	7	9	10	12	16	19	20	20	20	20
30	4	6	8	9	11	14	19	26	30	30	30	30
40	5	6	8	10	12	15	21	31	40	40	40	40
50	5	6	8	10	12	16	22	35	48	50	50	50
60	5	6	8	10	12	16	23	38	55	60	60	60
70	5	6	8	10	13	17	24	40	62	70	70	70
80	5	6	8	10	13	17	24	42	68	79	80	80
90	5	6	8	10	13	17	25	43	73	87	90	90
100	5	6	9	10	13	17	25	45	78	96	100	100
120	5	6	9	10	13	18	26	47	86	111	120	120
140	5	6	9	11	13	18	26	48	92	124	139	140
160	5	6	9	11	13	18	27	49	97	136	157	160
180	5	6	9	11	13	18	27	50	101	146	174	180
200	5	6	9	11	13	18	27	51	105	155	190	200
250	5	6	9	11	14	18	27	53	112	175	228	250
300	5	6	9	11	14	18	28	54	117	189	260	300
350	5	6	9	11	14	18	28	54	121	201	287	350
400	5	6	9	11	14	19	28	55	124	211	311	400
450	5	6	9	11	14	19	28	55	127	218	331	450
500	5	6	9	11	14	19	28	56	129	225	349	500
600	5	6	9	11	14	19	28	56	132	235	379	597
700	5	6	9	11	14	19	28	57	134	243	402	691
800	5	6	9	11	14	19	28	57	136	249	421	782
900	5	6	9	11	14	19	28	57	137	254	437	868
1000	5	6	9	11	14	19	29	57	138	258	450	950
1200	5	6	9	11	14	19	29	57	140	264	471	1102
1400	5	6	9	11	14	19	29	58	141	269	487	1236
1600	5	6	9	11	14	19	29	58	142	272	499	1354
1800	5	6	9	11	14	19	29	58	143	275	509	1459
2000	5	6	9	11	14	19	29	58	143	277	517	1553
3000	5	6	9	11	14	19	29	58	145	284	542	1895
4000	5	6	9	11	14	19	29	58	146	288	556	2108
5000	5	6	9	11	14	19	29	59	147	290	564	2253
6000	5	6	9	11	14	19	29	59	147	291	569	2358
7000	5	6	9	11	14	19	29	59	147	292	573	2437
8000	5	6	9	11	14	19	29	59	147	293	576	2498
9000	5	6	9	11	14	19	29	59	148	294	579	2548
10 000	5	6	9	11	14	19	29	59	148	294	581	2588
∞	5	6	9	11	14	19	29	59	149	299	598	2995

The table gives:

- (i) the sample size (n) such that the probability ( $p_1$ ) of including at least one positive if the disease is present at the specified level is 0.95;
- (ii) the upper 95% confidence limit (u) to the number of diseased animals in a population, given that the specified proportion were tested and found to be negative.

Examples:

- (i) expected proportion of positives is 2%; the population size is 480 – use 500; from the table, a sample of 129 is required to detect at least one positive with probability 0.95;
- (ii) for a population of 1000, a sample of 10% were all found to be negative; from the table, the upper 95% confidence limit for the number of positives is 29.

## 1) Rabies

Persampelan dibahagikan kepada dua kawasan; *immune belt area* dan *non immune belt area*.

Objektif surveilan *Rabies* adalah untuk mengenalpasti Status Penyakit *Rabies* dalam Negara bagi tahun 2019.

Populasi sasaran adalah dari kumpulan berikut:

- i. Anjing liar dalam kawasan *immune belt* dan *non immune belt*.
- ii. Sampel otak dari bangkai kucing yang diterima oleh Makmal Veterinar Kawasan (MVK).

## 2) Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE)

Persampelan dijalankan berpandukan *OIE (Office International des Epizooties/World Organisation for Animal Health) Guideline (Articles 11.5.20 to 11.5.22)*. OIE telah menetapkan bagi mendapat Status Bebas (*Neglible Risk*) markah (*point*) yang perlu dicapai ialah sebanyak 71,500 *points* setiap tahun. Secara amnya sampel perlu diambil dari empat kumpulan ternakan lembu (*subpopulation*) yang membawa markah yang berbeza mengikut *subpopulation* seperti

### Jadual 1.2.

Persampelan BSE perlu dibuat di rumah sembelih. Bilangan sampel bergantung kepada kekerapan penyembelihan dan kebenaran oleh pemilik ternakan. SOP pengambilan sampel adalah seperti di **Lampiran 2**.

### Jadual 1.2: Persampelan BSE dari empat kumpulan ternakan.

<i>Cattle history</i>	<i>Subpopulation categories</i>	<i>Points</i>
<i>Cattle with BSE differential diagnosis of BSE based on history</i>	<i>Clinical suspect</i>	260
<i>Cattle with unknown clinical history</i>	<i>Fallen stock</i>	0.2
<i>Sample collected at slaughter house</i>	<i>Causality slaughter</i>	0.4
<i>Sampel collected at slaughter house</i>	<i>Routine slaughter</i>	0.1

Sampel yang disyaki BSE (menunjukkan petanda klinikal) tanpa sebarang *history*, akan dikira sebagai kategori *fallen stock*. Oleh itu adalah amat penting untuk menyatakan *clinical history* setiap sampel yang diambil bagi mengelakkan pengurangan *points*. Objektif surveilan BSE dijalankan adalah untuk mengenalpasti status Penyakit BSE dalam Negara bagi tahun 2019.

### 3) Avian Influenza, Newcastle disease (ND) & salmonellosis

Persampelan bagi Avian Influenza dijalankan adalah untuk mengesan penyakit unggas disebabkan oleh Virus Influenza yang dikenalpasti sebagai *Notifiable Avian influenza* (NAI) dalam OIE Terrestrial Manual mengikut Article 10.4.27 to 10.4.29 dan Penyakit Newcastle disease (ND) mengikut Article 10.9.22 to 10.9.24.

Program surveilan dijalankan untuk mengesan kejadian NAI dan ND seawal mungkin jika berlaku jangkitan. Bagi ladang unggas komersil, selain persampelan untuk NAI dan ND, persampelan bagi mengesan penyakit Salmonellosis juga dijalankan. Populasi Sasaran (*target population*) adalah dari berbagai kumpulan unggas, namun keutamaan diberikan kepada populasi unggas berisiko tinggi untuk dijangkiti penyakit tersebut;

1. Kumpulan ayam kampung dan lain-lain unggas
2. Kumpulan itik dan angsa
3. Kedai burung/petshop yang ada menjual sebarang jenis unggas *arena*
4. Ladang ayam komersil dan bukan komersil
5. Premis Walit

Objektif Survelan *Notifiable Avian Influenza* (NAI) adalah:

1. Pengesanan awal dan pengesanan status bebas Penyakit NAI dalam Negara bagi tahun 2019.

Objektif Survelan ND & Salmonellosis adalah:

1. Untuk mengetahui prevalen penyakit ND dan keberkesanan pengawalan ND dan Salmonellosis dalam Negara bagi tahun 2019.
2. Untuk mengenalpasti Strain Virus ND yang wujud dalam Negara bagi tahun 2019.
3. Untuk mengenalpasti Serotip Bakteria Salmonella yang wujud dalam Negara bagi tahun 2019.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Kaedah persampelan yang digunakan adalah Persampelan Dua Peringkat. Sampel adalah dikira pada tahap keyakinan 95% dan 10% kadar prevalen populasi premis bagi setiap negeri bagi kumpulan ayam kampung, itik, petshop (kedai burung), ladang ayam komersil dan bukan komersil, walit dan lain-lain unggas. Bilangan premis kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut negeri dan daerah.

### **Jenis dan Bilangan Sampel**

Sebanyak 30 (calitan kloaka/trakea) dan guano (walit) diperlukan bagi setiap premis terpilih. Lima calitan kloaka/trakea (unggas) dan guano (walit) masing-masing diletakkan dalam satu botol media (MEM/PBS bagi ND dan NAI, BPW/TSB bagi Salmonellosis).

#### **4) African Horse Sickness (AHS)**

Program surveilan penyakit AHS perlu dijalankan setiap tahun untuk mengetahui status penyakit AHS dalam Negara serta keperluan pengesahan tahunan pengkelan status negara bebas AHS yang telah dianugerahkan oleh OIE dalam tahun 2013. Persampelan dijalankan berpandukan *OIE Guideline (Articles 12.1.13 to 12.1.15)*. Survelan hanya melibatkan surveilan klinikal dengan menggunakan borang soalselidik.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

#### **Survelan Klinikal**

Sampel adalah dikira pada 95% darjah keyakinan dan 1% prevalen populasi premis bagi seluruh Negara. Survelan ini melibatkan premis equid (kuda, *miniature horse*, *pony*, kuda padi, *falabella* dan keldai). Survelan hanya melibatkan klinikal dan maklumat diperolehi melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 3**.

## 5) Foot And Mouth Disease (FMD)

Terdapat dua jenis surveilan berkaitan penyakit FMD bagi tahun 2019 bagi memenuhi dua (2) objektif iaitu;

1. Untuk mengetahui prevalen FMD dalam ternakan ruminan dan babi di setiap negeri di Semenanjung Malaysia berikutan adanya program kawalan penyakit FMD yang dijalankan.
2. Untuk melihat respon antibodi berikutan adanya program kawalan FMD menggunakan vaksinasi.

### **Penentuan Bilangan Sampel dan Ujian.**

#### **Bagi memenuhi Objektif 1:**

Persampelan dua peringkat dipilih berdasarkan tahap keyakinan 95% dengan prevalen 10% di peringkat premis manakala 30% prevalen di peringkat populasi ternakan bagi premis terpilih di setiap negeri. Bilangan premis dipilih dan dikenalpasti secara *systematic random* dan kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah. Premis yang dipilih hendaklah melibatkan semua. Serum diambil berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih secara rawak. Pilihan ternakan untuk diambil sampel seeloknya berusia 6 bulan hingga setahun. Sampel serum tersebut kemudiannya perlu diuji menggunakan NSP Elisa di Makmal Veterinar Kawasan Kota Bharu, Kelantan.

#### **Bagi memenuhi Objektif 2:**

Survelan *post vaccination* perlu dijalankan untuk melihat respon, tahap dan ketahanan imuniti ternakan di dalam populasi bagi menilai keberkesanan program pemvaksinan yang telah dijalankan. Sampel serum diambil dari gerompok terpilih sebelum suntikan vaksin FMD tahunan (booster) diberikan (P1) dan serum hendaklah diambil semula dari gerompok yang sama selepas 30 - 60 hari selepas pemvaksinan P2. Sampel serum tersebut kemudiannya perlu diuji dengan Serum Neutralisation Test (SNT) di Makmal Veterinar Kawasan Kota Bharu, Kelantan

## 6) Bovine Brucellosis (*B. Abortus*)

Objektif surveilan *Bovine Brucellosis* dijalankan ialah untuk mengetahui prevalen dalam ternakan lembu di dalam sesebuah negeri di Malaysia berikutan adanya program kawalan Brucellosis yang dijalankan.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis di dalam daerah tersebut. Serum diambil secara rawak berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih. Ujian RBPT perlu dijalankan di lapangan dan sampel yang didapati positif dihantar ke makmal untuk ujian CFT/ELISA bagi tujuan pengesahan. Sampel diambil daripada ternakan yang berumur lebih daripada 4 bulan.

## 7) Ovine or caprine brucellosis (*Br. melitensis*)

Survelan ini dijalankan untuk mengetahui prevalen pada ternakan kambing/bebiri di dalam sesebuah negeri di Malaysia serta menentukan keberkesanan program kawalan brucellosis yang dijalankan.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut. Serum diambil secara rawak berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih. Ujian RBPT dijalankan di lapangan dan sampel yang didapati positif dihantar ke makmal untuk ujian CFT/ELISA bagi tujuan pengesahan Sampel diambil daripada ternakan yang berumur lebih daripada 6 bulan.

## 8) Nipah

Objektif Survelan serologi dan klinikal bagi *Nipah* dijalankan ialah untuk mengenalpasti status penyakit haiwan dalam negara bagi ternakan khinzir

### Penentuan Bilangan Sampel

#### Survelan Serologi

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut.

Serum diambil berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih secara rawak dari ternakan yang berumur lebih dari 4 bulan melibatkan ternakan *Boar*, ibu babi bunting, ibu babi menyusui dan babi *grower*.

## 9) Peste Des Petits Ruminants (PPR)

Survelan *PPR* dijalankan ialah untuk pengesanan awal penyakit serta mengetahui prevalen dalam ternakan kambing/bebiri di dalam sesebuah negeri di Malaysia.

### Penentuan Bilangan Sampel

Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Survelan melibatkan serologi dan klinikal melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 4**.

## 10) Equine Influenza Virus (EIV) Dan West Nile

Objektif survelan EIV dan West Nile dijalankan ialah untuk mengetahui prevalen penyakit tersebut dalam equids ((kuda, *miniature horse*, *pony*, kuda padi, *falabella* dan keldai) di sesebuah negeri di Malaysia.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 1% prevalen di peringkat populasi premis. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut. Survelan hanya melibatkan klinikal dan maklumat diperolehi melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 3**.

#### **11) Johne's**

Objektif survelan Johne's dijalankan ialah untuk mengetahui prevalen penyakit tersebut dalam lembu dan kerbau.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis di dalam daerah tersebut. Serum perlu diambil secara rawak berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih secara rawak. Ujian *rectal pinch* juga boleh dijalankan di ladang. Johne's biasanya menjangkiti ternakan berumur 2-5 tahun namun ternakan yang berumur kurang daripada 6 bulan lebih mudah dijangkiti.

#### **12) Bovine Tuberculosis**

Survelan TB dijalankan ialah untuk mengetahui prevalen penyakit tersebut dalam lembu dan kerbau tenusu serta menilai keberkesanan kawalan penyakit TB.

### **Penentuan Bilangan Sampel**

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sampel dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis di dalam daerah tersebut. Sample darah untuk ujian saringan menggunakan Bovigam atau ujian lipatan kaudal (Caudal Fold Tuberculin Test/CFT). Ujian Comparative Cervical test CCT atau Polymerase Chain Reaction (PCR) untuk pengesahan. Sampel perlu



diambil secara rawak dan ujian dijalankan ke atas ternakan yang berumur lebih 6 minggu berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih secara rawak.

### **13) Infectious Bovine Rhinotracheitis (IBR)**

Objektif surveilan IBR dijalankan ialah untuk mengetahui prevalen penyakit tersebut dalam lembu tenusu.

#### **Penentuan Bilangan Sampel**

Persampelan secara dua peringkat dipilih. Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis dan 30% prevalen di peringkat populasi ternakan di premis terpilih. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis di dalam daerah tersebut. Serum diambil secara rawak berdasarkan jumlah yang telah ditentukan di setiap premis terpilih. Sampel diambil daripada ternakan yang berumur lebih dari 4 bulan.

### **14) Rift Valley Fever (RVF)**

Survelan Rift Valley Fever dijalankan ialah untuk pengesanan awal RVF serta mengetahui status penyakit tersebut dalam lembu dan kerbau.

#### **Penentuan Bilangan Sampel**

Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut. Survelan hanya melibatkan klinikal dan maklumat diperolehi melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 5**.

### 15) Anthrax

Objektif surveilan Anthrax dijalankan ialah untuk mengetahui status penyakit tersebut dalam lembu dan kerbau.

#### **Penentuan Bilangan Sampel**

Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 10% prevalen di peringkat populasi premis. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut. Survelan hanya melibatkan klinikal dan maklumat diperolehi melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 5**.

### 16) African Swine Fever (ASF)

Objektif surveilan ASF dijalankan ialah untuk mengetahui status penyakit tersebut dalam ternakan babi.

#### **Penentuan Bilangan Sampel**

Sample dikira berdasarkan tahap keyakinan 95% dan 1% prevalen di peringkat populasi premis. Sampel kemudiannya dibahagikan *proportionately* mengikut daerah berdasarkan jumlah premis dalam daerah tersebut. Pemerhatian dibuat ke atas ternakan yang berumur lebih dari 4 bulan melibatkan ternakan Boar, ibu babi bunting, ibu babi menyusui dan babi “grower”. Survelan hanya melibatkan klinikal dan maklumat diperolehi melalui Borang Soalselidik seperti di **Lampiran 6**.

## Bab 2

### Program Survelan Babi Hutan

Babi hutan (*Sus scrofa*) adalah *indigenous* di dalam negara termasuk Malaysia. Babi hutan menjadi pembawa kepada virus, bakteria and parasit yang boleh menjangkiti haiwan domestic dan manusia. Pelbagai *Wild boars can act as reservoirs* untuk penyakit penting seperti *Foot And Mouth Disease (FMD)*, *Classical Swine Fever (CSF)*, *Japansese Encephalitis (JE)*, *Swine Influenza (H1N1)*, *Tuberculosis*, *Brucellosis*, *Leptospirosis And Trichinellosis*. Disebabkan oleh perubahan kepada aktiviti manusia terutamanya di kawasan luar Bandar, tanah untuk tujuan pertanian, peningkatan aktiviti pemburuan dan peningkatan permintaan daging babi hutan menjadi salah satu factor babi hutan terdedah kepada haiwan domestic dan manusia.. *Among the agriculturally important pathogens known to be prevalent in wild boars are Classical Swine Fever Virus (CSFV)*, *Pseudorabies Virus (PRV) Infection*, *African Swine Fever Virus (ASFV)*, *Porcine Circovirus Type 2 (PCV2)*, *Porcine Reproductive And Respiratory Syndrome Virus (PRRSV) and Porcine Parvovirus (PPV)* (Meng et al. 2009). Dalam Manusia, babi hutan adalah pembawa kepada penyakit zoonotik seperti *Hepatitis E Virus*, *Tuberculosis*, *Brucellosis*, *Trichinellosis*, *Swine Influenza* dan JE. Kertas cadangan lengkap adalah seperti di **Lampiran 7**

## **Bab 3**

### **Program Survelan Burung Hijrah**

Program survelan dalam burung hijrah (migratory birds) telah dijalankan berikutan terjadinya kes wabak Highly Pathogenic Avian Influenza di Malaysia yang pertama di Malaysia pada tahun 2004 yang berlaku di Kelantan. Kehadiran burung hijrah yang bermusim di Malaysia di beberapa tempat persinggahan seperti di kawasan tasik dan paya akan membawa kepada jangkitan penyakit tersebut kepada unggas yang terdapat dalam negara. Kertas cadangan lengkap berkaitan survelan Avian Influenza dalam burung hijrah adalah seperti di **Lampiran 8**.

## **Bab 4**

### **Program Survelan Rabies di Perkampungan Nelayan Pesisir Pantai Barat Semenanjung Malaysia**

Survelan berasaskan risiko yang dijalankan di perkampungan nelayan sepanjang pesisir pantai Barat Semenanjung Malaysia dijalankan bagi mengesan kejadian penyakit Rabies susulan kejadian penyakit Rabies yang berlaku pada tahun 2017 di sebuah kampung nelayan di Kuala Sepetang, Taiping Perak. Program survelan lengkap yang telah dirangka adalah seperti di **Lampiran 9.**

## Bab 5

### Program Survelan Antimicrobial Resistance

Mewujudkan program surveilan kebangsaan bagi pemantauan kerintangan antimicrobial dan penggunaan antimicrobial di ladang-ladang ternakan. Program pengujian ini akan dijalankan bagi melaksanakan pelan tindakan yang terkandung di dalam *National Action Plan on Antimicrobial Resistance* (2016-2020) sejajar dengan saranan OIE dalam mengawal penggunaan drug antimikrobial dalam ternakan bagi memastikan produk hasilan ternakan tersebut selamat kepada orang ramai.

#### Objektif

- 1.1 Menentukan prevalen kerintangan antimicrobial (AMR) bakteria *Salmonella* spp. dan *Escherichia coli* dalam ternakan ayam dan babi
- 1.2 1.1 Menentukan prevalen kerintangan antimicrobial (AMR) bakteria *Salmonella* spp. dan *Escherichia coli* dalam produk ayam dan babi
- 1.3 Mengadakan program kawalan AMR.
- 1.4 Meningkatkan kesedaran awam berkaitan AMR di kalangan penternak, pengguna, veterinerian dan farmasi, pelajar dan sebagainya.

#### Penentuan Bilangan Sampel

Persampelan diladang ayam dan babi berdasarkan kepada *Guidelines Chapter 6.7 Harmonisation of National Antimicrobial Resistance Surveillance and Monitoring Program*. [The expected prevalence is 50%, 95% level of confidence and 5% desired precision]. Jumlah ladang yang perlu disampel pula berdasarkan kepada *Cannon & Roe Table (1982)* [The confidence interval was chosen at 95% with 10% prevalence at farm level]. Manakala persampelan di loji pemprosesan dan rumah sembelih pula adalah berdasarkan kepada Manual Persampelan Kebangsaan Makanan Berasaskan Hasilan Haiwan Jabatan. Pengiraan jumlah sampel surveilan AMR seperti di **lampiran 1**

Survelan kerintangan antimikrobial dijalankan ke atas dua jenis bakteria iaitu:

- *Salmonella* spp yang boleh menyebabkan kerintangan dalam haiwan dan menjejaskan kesihatan awam melalui kesan rawatan apabila jangkitan terjadi pada manusia.
- *Escherichia coli*. Bakteria indikator ini sentiasa ada dip persekitaran haiwan, makanan dan manusia. Bakteria ini mempunyai keupayaan untuk sedia membangunkan atau memindahkan gen kerintangan antimikrobial.

Terdapat beberapa kaedah ujian kecenderungan antibiotik dan Interpretasi Data agen antimikrob klinikal yang boleh digunakan :

- *Agar Dilution Susceptibility Test*
- *Broth Dilution Susceptibility Test*
- *Agar Disk Diffusion Susceptibility Test*

Rujukan kepada kaedah ujian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada *Clinical and Laboratory Standards Institute (CLSI)*. Ujian yang dijalankan ke atas antibiotik adalah dari senarai yang mempunyai kepentingan kepada industri ternakan dan negara. Pilihan antibiotic adalah seperti senarai berikut:

- Colistin
- Ampicillin
- Trimethoprim/ Sulphamethoxazole
- Cefotiofur
- Tetracycline
- Chloramphenicol
- Cefotaxime
- Streptomycin
- Gentamicin
- Ciprofloxacin

## Prosedur Kerja Program Survelan DVS Negeri


**Jadual 1:** Prosedur Pelaporan Indeks penyakit dan Survelan oleh DVS Negeri

Bil.	Prosedur	Tanggungjawab	Output
1.1	Merancang dan membuat Jadual Survelans Penyakit Haiwan Negeri mengikut keperluan negeri masing-masing	Ketua Bahagian Kesihatan Negeri	Jadual persampelan
1.2	Menjalankan aktiviti survelans di daerah bersama-sama kakitangan unit kesihatan daerah	Pegawai Veterinar Daerah	Survelen dijalankan
1.3 (a)	Menjalankan ujian penyakit dan pengambilan sampel di lapangan	Pegawai Veterinar Daerah	Data penyakit dikumpulkan
1.3 (b)	Menjalankan survelans secara soalselidik survelans dan hantar kepada Ketua Bahagian Kesihatan Negeri		
1.4	Mengisi borang makmal : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Makvet 01: penghantaran organ / calitan</li> <li>• Makvet 03: penghantaran serum</li> <li>• Borang penghantaran sampel FMD</li> </ul>	Pegawai Veterinar Daerah	Borang diisi dengan lengkap
1.5	Menghantar sampel ke Makmal Veterinar Kawasan berdekatan dengan negeri	Pegawai Veterinar Daerah	Sampel yang betul dan mencukupi
1.6	Menjalankan ujian pada sampel di makmal	Pegawai Makmal	Keputusan menepati piagam
1.7	Menghantar kembali keputusan ujian makmal yang telah di analisa kepada penghantar sampel	Pegawai Makmal	Data keputusan dikumpulkan
1.8	Merekod keputusan ujian yang di terima daripada makmal	Pegawai Veterinar Daerah	Status penyakit diketahui
1.9	Mengemaskini Keputusan ujian makmal di dalam Laporan EpiS 07 dan meghantar kepada ADIC	Pegawai Survelan Negeri	Penukaran Status Indeks
1.9	Mengisi borang : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Epis 01: Pelaporan penyakit wajib lapor (cth. B.abortus, B.melitensis, Tubercullosis, Newcastle Disease, Salmonellosis, Avian Influenza)</li> <li>• Epis 06: Tindakan Kawalan Penyakit (kawalan, Pulih &amp; Bebas)</li> <li>• Epis 07: Laporan Bulanan Aktiviti Survelans</li> </ul>	Pegawai Veterinar Daerah	Borang diisi dengan lengkap
1.10	Menghantar borang yang telah di isi kepada Ketua Bahagian Kesihatan Negeri untuk semakan akhir	Pegawai Veterinar Daerah	Borang yang lengkap dihantar
1.11	Menyemak borang yang di hantar	Ketua Bahagian Kesihatan Negeri	Verifikasi borang
1.12	Menghantar borang yang siap di semak kepada Animal Disease Information Centre (ADIC) di Putrajaya untuk tindakan dan kepada Pengarah Negeri sebagai salinan dan makluman.	Ketua Bahagian Kesihatan Negeri	Pelaporan kepada ADIC




# Carta Aliran Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan Tahunan

## 1.0 SURVELANS PENYAKIT HAIWAN DAN ZOOTIK



## Peranan dan tanggungjawab Seksyen EpiS, IPPV




**Pegawai untuk dihubungi di IbuPejabat**

Bil	Nama	Tempat Betugas	No. Telefon	E-mail
1	Dr Zainor bin Hj Mohd (Ketua EpiS)	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2049	zainor@dvs.gov.my
2	Cik Nurul Atiqah binti Abdul Halip	EpiS, IPPV Putrajaya	03-88702047	atiqah@dvs.gov.my
3	Dr. Zarina Mohamed	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2068	zarina@dvs.gov.my
4	Dr Salina Amad Bugis	EpiS, IPPV Putrajaya	03-88702061	salina@dvs.gov.my
5	Dr. Mariani bte Hashim	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2054	mariani@ dvs.gov.my
6	Dr Siti Norsyakirah bte Hashim	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2062	snsyakirah@dvs.gov.my
7	Dr Shahrman bin Ismail	DVS Terengganu	09-622 1822	marshamohd05@gmail.com
8	Dr. Wan Maryani binti Wan Hassan	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2053	wanmaryani@ dvs.gov.my
9	Dr. Nor Azreen Mohd Nasir	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2053	azreen@dvs.gov.my
10	En. Shaari Bin Manas	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2057	shaari@dvs.gov.my
11	Pn. Nor Yuzlizawati bt Md Yusof	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2058	yusliza@dvs.gov.my
12	Pn. Norliza Binti Jelani	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2058	norliza@dvs.gov.my
13	En. Mohamad Noor Hafiz bin Abd. Rani	EpiS, IPPV Putrajaya	03-8870 2058	-

### Pegawai Untuk Dihubungi di JPV Negeri

<b>Negeri</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>E-mail</b>
Perlis	Dr Adil bin Ibrahim	019-5128653	adil@dvs.gov.my
Kedah	Dr. Syarifah Syazana binti Syed Ahmad	019-7168782 @ 019-3781883	syarifah_syazana@dvs.gov.my
P. Pinang	Dr. Nabilah binti Abd. Talib	016-4696554	nabilah@dvs.gov.my
Perak	Dr. Azizah Darus	012-5152811	azizah@dvs.gov.my
Selangor	Dr. Mohamad Faizul Shahril B Md Razal	011-25808081	faizulshahril@dvs.gov.my
Melaka	Dr. Zanariah binti Ahmad Patanah	012-2443030	zanaap@dvs.gov.my
Negeri Sembilan	Dr. Nur Azlina binti Che Zabani	019-3221209	drnurazlina@yahoo.com
Johor	-	-	-
Pahang	-	-	-
Terengganu	Dr. Wan A'aidah binti Wan Hashim	019-9892498	aidah@dvs.gov.my
Kelantan	Dr. Ong Jing Seng	017-3705234	jsengdvs@gmail.com
W.P Kuala Lumpur	Dr. Nur Izzati binti Aman	010-5585434	nurizzati@dvs.gov.my
W.P Labuan	Dr. Marysia James	013-5581646	maryjames84@live.com
Sabah	Dr. Peter Lee Ah Kong	012-8123299	
Sarawak	Dr Andrea Lin Li Li	012-8897087	andrell@sarawak.gov.my

**Carta aliran persampelan di stesen kuarantin haiwan kerajaan dan stesen kuarantin haiwan sementara**



## **PENGURUSAN DAN PENGHANTARAN SAMPEL**


### **FMD**

- A. Pengurusan sampel
  1. Sarung tangan sterile dipakai semasa mengambil sampel untuk mengelakkan kontaminasi.
  2. Serum diambil dan disimpan dalam bekas ais dan dibalut kemas untuk mengelakkan kontaminasi.
  
- B. Penghantaran sampel
  1. Sampel hendaklah dihantar dalam keadaan sejuk.
  2. Sampel akan dihantar ke Makmal Kota Bharu dengan menggunakan keretapi atau kurier.

### **Ujian serologi selain FMD**

- A. Pengurusan sampel
  1. Sarung tangan sterile dipakai semasa mengambil sampel untuk mengelakkan kontaminasi.
  2. Serum diambil dan disimpan dalam bekas ais dan dibalut kemas untuk mengelakkan kontaminasi.
  
- B. Penghantaran sampel
  1. Sampel hendaklah dihantar dalam keadaan sejuk.
  2. Sampel akan dihantar berpandukan jadual di atas.

### Persampelan BSE di rumah sembelih ruminan



Kepala (Ambil sampel obex dengan menggunakan sudu)  
- seminggu satu kepala sahaja

Ada Lesi  
\*Rujuk kriteria

Trim lesi daripada karkas dan diletakkan dalam tray khas

Ambil sampel lesi bagi tujuan diagnosis (Rujuk SOP)

29

Laporan Bulanan kepada SPV

Laporan Bulanan kepada





**ANGGARAN BILANGAN SAMPEL SURVELAN PENYAKIT HAIWAN KEBANGSAAN YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN MAKMAL 2019**

Negeri	FMD, B.A, Johne's	TB, IBR	BSE	FMD, B.M, PPR	AI, ND DAN SALM					Rabies	FMD, Nipah	JUMLAH
					Ayam Komersil & Bukan Komersil	Ayam kampung/ Puyuh/ Belanda	Itik/Angsa	Petshop	Walet			
<b>Perlis</b>	159	20	3	231	270	690	570	480	750	59	0	<b>3232</b>
<b>Kedah</b>	197	231	36	255	810	840	482	870	840	59	0	<b>4620</b>
<b>P.Pinang</b>	206	220	15	283	810	759	543	660	900	59	270	<b>4725</b>
<b>Perak</b>	267	245	30	271	840	570	750	660	840	59	270	<b>4802</b>
<b>Selangor</b>	234	175	27	276	810	810	462	720	810	59	260	<b>4643</b>
<b>WPKL</b>	20	10	3	7	60	60	60	60	0	59	0	<b>339</b>
<b>N.Sembilan</b>	270	231	21	280	810	733	617	209	810	59	10	<b>4050</b>
<b>Melaka</b>	265	216	9	280	810	480	210	750	840	59	200	<b>4119</b>
<b>Johor</b>	245	239	33	258	870	660	660	570	870	59	220	<b>4684</b>
<b>Pahang</b>	284	157	33	291	870	870	638	180	900	59	10	<b>4292</b>
<b>Terengganu</b>	209	12	24	282	750	690	567	720	870	59	0	<b>4183</b>
<b>Kelantan</b>	144	87	30	227	810	530	750	750	810	59	0	<b>4197</b>
<b>Sabah</b>	151	230	96	237	756	576	394	0	0	59	179	<b>2678</b>
<b>Sarawak</b>	234	0	36	253	840	870	742	0	0	59	250	<b>3284</b>
<b>Labuan</b>	45	0	3	103	0	300	60	0	0	59	10	<b>580</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>2930</b>	<b>2073</b>	<b>399</b>	<b>3534</b>	<b>10116</b>	<b>9438</b>	<b>7505</b>	<b>6629</b>	<b>9240</b>	<b>885</b>	<b>1679</b>	<b>54428</b>

**ANGGARAN BILANGAN SAMPEL DARI SURVELAN PENYAKIT HAIWAN KEBANGSAAN, BURUNG HIJRAH, BABI HUTAN, PERKAMPUNGAN NELAYAN, AMR DAN PROJEK ESBL YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN MAKMAL 2019**

Negeri	Survelan Kebangsaan (13 jenis penyakit )	Burung Hijrah (HPAI)	Babi Hutan (FMD, BS, Nipah, ASFV)	Perkampungan Nelayan (Rabies)	AMR (Calitan Kloakal)		AMR (Calitan Rektal)	Rumah Sembelih Ayam	Rumah sembelih babi (sampel daging)	JUMLAH
					Ayam Pedaging	Ayam penelur	Babi	Sampel Daging		
<b>Perlis</b>	3232	30	30	13	1260	0	0	0	0	4565
<b>Kedah</b>	4620	150	30	36	1215	1230	0	19	0	7300
<b>P.Pinang</b>	4725	30	30	41	1250	1200	130	70	0	7476
<b>Perak</b>	4802	90	30	53	1260	1200	125	237	109	7906
<b>Selangor</b>	4643	90	30	44	1215	1200	125	201	147	7695
<b>WPKL</b>	339	30	30	13	0	0	0	0	0	412
<b>N.Sembilan</b>	4050	120	30	31	1215	1235	5	172	0	6858
<b>Melaka</b>	4119	60	30	33	1250	1200	95	166	36	6989
<b>Johor</b>	4684	180	30	-	1260	1265	100	135	135	7789
<b>Pahang</b>	4292	150	30	-	1215	1250	5	0	14	6956
<b>Terengganu</b>	4183	30	30	-	1250	0	0	0	0	5493
<b>Kelantan</b>	4197	60	30	-	1215	0	0	0	0	5502
<b>Sabah</b>	2678	300	30	-	1260	1235	125	8	0	5636
<b>Sarawak</b>	3284	90	30	-	1260	1235	125	73	20	6117
<b>Labuan</b>	580	60	30	-	0	0	5	0	0	675
<b>Putrajaya</b>	0	30	30	-	0	0	0	0	0	60
<b>JUMLAH</b>	<b>54428</b>	<b>1,500</b>	<b>480</b>	<b>264</b>	<b>16125</b>	<b>12250</b>	<b>840</b>	<b>1081</b>	<b>461</b>	<b>87429</b>

# **LAMPIRAN 1**

**PENGIRAAN JUMLAH SAMPEL SURVELAN  
DI SETIAP NEGERI BAGI TAHUN 2019**

# **LAMPIRAN 2**

**SOP PENGAMBILAN SAMPEL OBEX LEMBU  
DI RUMAH SEMBELIH RUMINAN UNTUK  
UJIAN BSE**

**PERSAMPELAN DI RUMAH SEMBELIH BAGI BOVINE SPONGIFORM  
ENCEPHALOPATHY (BSE)**

**SOP Pengambilan Sampel Obex Lembu di Rumah Sembelih Ruminan Untuk Ujian  
BSE**

Kekerapan persampelan: Satu sampel obex lembu per minggu (pengambilan obex lembu adalah daripada butcher yang berlainan secara bergilir-gilir mengikut minggu)

A) Peralatan Yang Diperlukan

- Sudu obex
- Pisau
- Marker







i. Untuk sampel dalam formalin

1. Botol mengandungi formalin
2. Label
3. Kotak penghantaran sampel (kedap udara)

ii. Untuk sampel sejuk beku

1. Plastik sampel whirl pack
2. Freezer (-18°C)
3. Kotak penghantaran sampel (berpenambat)
4. Marker

B) Kaedah

1.	 A photograph of a cow's head from a dorsal view, showing the skull and the foramen magnum. A red arrow points to the foramen magnum. The brainstem is visible through the opening.	<p>Letakkan kepala lembu di atas permukaan rata dengan kedudukan permukaan ventral bahagian atas. Lihat pada bahagian belakang (caudal) di mana kelihatan foramen magnum. Disini kelihatan batang otak (Brainstem “Medulla Oblangata”).</p>
2	 A photograph showing a close-up of the foramen magnum area. A metal probe is inserted into the opening. A gloved hand is visible on the right side.	<p>Masukkan sudu ke dalam Foramen magnum di antara dura mater dan juga ventral/dorsal, secara tertungkup.</p>
3	 A photograph showing a close-up of the foramen magnum area. A metal probe is inserted into the opening. A gloved hand is visible on the left side.	<p>Gerakkan secara pusingan (pusing kekiri, ke kanan dan ke bawah) untuk melepaskan saraf cranial tanpa merosakkan tisu otak. Alat (sudu) akan masuk terus ke bahagian rostra lebih kurang 7 cm.</p>
4	 A photograph showing a close-up of the foramen magnum area. A metal probe is inserted into the opening. A gloved hand is visible on the left side.	<p>Bahagian sudu yang tajam potong batang otak dengan sedikit bahagian cerebellum. Obex ditarik keluar menggunakan forcep.</p>

<p>5</p>		<p>Obex dibahagi dua secara memanjang.</p>
<p>6</p>		<p>Sebelah bahagian obex dimasukkan ke dalam botol yang mengandungi 10% Buffered Formalin bagi ujian Histopatologi dan Immunohisto chemistry</p>
<p>7</p>		<p>Sebahagian lagi obex dimasukkan ke dalam plastik sampel bagi ujian Western blot.</p>

### C) Penyimpanan dan Penghantaran sampel

Kedua-dua jenis sampel (formalin dan sejukbeku) boleh dikumpul untuk dihantar ke makmal dengan kekerapan sebulan sekali.

#### *i. Untuk sampel dalam formalin*

Setengah obex = Satu botol 10% formalin (30 ml)

Sampel dihantar terus ke MVK berdekatan (untuk ujian Histopatologi dan IHC).

Cara Pembungkusan Sampel:

